Utusan Borneo: 11 November 2026

Lelaki miliki syabu kena enam bulan

MIRI: Padah memiliki dadah berbahaya jenis syabu, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan dari tarikh tangkapan pada 28 Jun lalu.

Tertuduh, Mohd Aziff Ajis, 35, dari Pujut Tanjung Batu di sini, didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.01 gram.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 2.10 pagi, 28 Jun lalu di hadapan sebuah kedai tayar di Jalan Gudang Beras di sini.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Umi Syukriah Harun, manakala tertuduh diwakili Peguam Persekutuan David Bakit Nuing.